

Headline Sarip Raih Anugerah Million Dollar Fund Round Table
Date 28. Apr 2008 **Language** MALAY
Media Title Utusan Malaysia **Page No** 22
Section Ekonomi **Article Size** 346 cm2
Circulation 238082 **Frequency** Daily
Readership 833287 **Color** Full Color



Personaliti Korporat

Sarip raih anugerah Million Dollar Round Table

Oleh CYNTHIA YEOH

KUALA LUMPUR, 27 April – Pasaran industri insurans di negara ini masih luas kerana kini hanya 35 peratus daripada rakyat Malaysia yang membeli polisi insurans berbanding di sesetengah negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat, hampir 100 peratus penduduknya dilindungi insurans.

Atas hakikat itulah, Sarip Ahmad memberanikan diri menceburkan diri dalam bidang insurans sehingga berjaya menerima pengiktirafan paling prestij dalam industri itu sebagai ahli Malaysian Assurance Alliance Bhd. (MAA) Million Dollar Round Table (MDRT) selama tujuh tahun berturut-turut sejak tahun 2000.

Beliau juga telah dipilih sebagai ahli Top Of The Table 2007 (MAA Takaful Berhad), Multi Million Dollar Round Table (MMDRT) dan Ketua Perunding Tertinggi di seluruh negara, serta berjaya melahirkan seorang ahli untuk menerima anugerah MAA Top of The Table (MTOT), pada tahun 2006 dan 2007.

Majlis penganugerahan tersebut berlangsung pada 19 April lalu di sebuah hotel terkemuka di Subang Jaya, Selangor.

Sarip, 37, merupakan Perancang Kawangan Bertauliah (CFP) MAA dan pengasas agensi yang diberikan nama Asset Planners Group di MAA. Pada tahun lalu, agensi beliau berjaya menghasilkan premium berjumlah RM 50 juta.

Sarip berkata, bukan mudah bagi seseorang untuk meraih sesuatu kejayaan, lebih-lebih lagi bersaing dalam industri insurans yang serba mencabar ini.

Berpegang dengan sikap tidak mudah putus asa, semangat perjuangan yang tinggi dan empati, beliau berjaya menempuh segala rintangan dan berjaya mencapai cita-cita menjadi agen insurans yang berjaya.

Beliau berkata, tanpa usaha yang gigih, seseorang itu tidak akan berjaya.

"Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh tidak kira dalam apa jua bidang bagi mencapai sesuatu kejayaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini hari ini.

Itulah prinsip pegangan hidup beliau yang membantu memacu kejayaannya sejak terbabit dalam industri insurans 15 tahun lalu.

Sarip, berasal dari Batu Pahat, Johor mula menceburkan diri dalam bidang insurans selepas setahun bertugas sebagai Pengurus Pentadbiran di sebuah firma di Perak setelah tamat pengajian dalam bidang ijazah sarjana ekonomi dari Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia) pada tahun 1992.



SARIP AHMAD

"Saya tidak mahu terikat daripada segi masa dan pendapatan, selain menyahut cabaran yang sengit dalam industri insurans," ujarnya.

Beliau berkata, minatnya terhadap isu-isu insurans semakin mendalam ketika berkhidmat di Talasco Insurance Berhad selama tujuh tahun dari tahun 1993 hingga 1999.

Beliau kemudian membuat keputusan untuk berhijrah ke MAA kerana syarikat itu mempunyai kepakaran dan pengetahuan teknikal untuk membantu melahirkan ejen-ejen insurans yang berkualiti, seiring dengan matlamat dan wawasan MAA bagi memastikan setiap penduduk di Malaysia dilindungi oleh insurans.

Bapa kepada tiga orang anak ini mengakui menghadapi kesukaran untuk meyakinkan pelanggan ketika mula-mula menceburkan diri dalam bidang insurans pada awal 1990-an, terutama bumiputera yang kebanyakannya berpandangan negatif terhadap insurans.

"Lama-kelamaan pemikiran mereka terhadap insurans telah berubah. Sekarang keadaan lebih mudah kerana masyarakat mula bersikap lebih terbuka.

"Sebenarnya, insurans berkait rapat dengan kehidupan setiap individu. Apa yang penting, kita harus menerangkan bahawa sesuatu produk itu adalah untuk kebaikan dan bukan sebaliknya.

"Setiap individu perlu melihat insurans sebagai satu keperluan pada hari tua, ketika ditimpa musibah (kemalangan, kematian awal dan penyakit berbahaya) dan juga pembiayaan pendidikan anak-anak untuk ke menara gading," jelasnya.